

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PERTAHANAN
DIUPACARA BARISAN TAMAT LATIHAN
UNTUK KURSUS NO.7 SEKOLAH LATIHAN
PENERBANGAN ALOR SETAR, KEDAH,
PADA 27 OGOS, 1966.

Dalam bulan Mei, 1965, saya telah datang ke sini untuk pembukaan rasmi Sekolah Latihan Penerbangan ini; hari ini saya dengan sukacitanya datang sekali lagi untuk upacara Tamat Latihan Kursus Yang ke-7.

Sembilan orang pegawai-pegawai muda di hadapan kita pada hari ini telah tamat Latihan Penerbangan peringkat asas setelah berlatih selama 42 minggu. Dengan itu, mereka telahpun melangkah rintangan yang paling mustahak dalam melayakkan diri mereka didalam profesion yang telah mereka pilih. Latihan mereka disekolah ini adalah secara tepat dan mendalam dan dibina di atas asas yang kukuh. Ini, adalah perlu untuk menjamin perkhidmatan mereka pada masa hadapan.

Tentera Udara Diraja Malaysia sedang diperbesar dengan pesat, maka telahpun didapati perlu untuk memberi sebilangan pemandu-pemandu, latihan asas di seberang laut. Mereka yang tamat latihan di sini, barangkali merasa iri hati terhadap mereka yang telah mendapat latihan di seberang laut, oleh kerana peluang yang didapati untuk melihat negeri lain dan bermacam-macam tempat yang masyhur seperti Niagara Falls, Taj Mahal atau latihan terbang yang mereka dapati di sini adalah setanding dan seimbang dengan mana-mana latihan yang diperolehi dalam dunia ini. Sekolah ini sungguhpun baru ditubuhkan tetapi saya telah memerhatikan kemajuannya dan adalah jelas bahawa, semenjak ditubuhkan, sekolah ini telah mencapai darjah yang paling tinggi. Dengan demikian, sekolah ini memainkan peranan yang penting untuk negara mempunyai Angkatan Udara' yang cekap menjalankan tugastugasnya.

Pemandu-pemandu yang baru ini akan menempuhi satu latihan

peringkat tinggi sebelum dipertugaskan ke skuadron-skuadron dan, tidak syak lagi, mereka akan memberi perkhidmatan mereka yang cemerlang kepada Angkatan Tentera dan juga pasukan-pasukan Polis. Di antara lain-lain, tugasnya ialah memandu helikopter ke kawasan-kawasan terpencil dalam negeri ini bagi melaksanakan utusan ihsan dan membantu kubu-kubu pasukan Polis ataupun menolong Jabatan Orang Asli dalam tugasnya melindungi dan memajukan orang-orang Asli. Tugas seterusnya adalah mendarat dan menerbangkan helikopter dalam peninjauan dari atas landasan feriget di laut serta bergerak membantu Tentera Laut. Pada tahun hadapan, beberapa skuadron kapalterbang jet pemusnah akan memulakan perkhidmatannya; pemandu-pemandu yang menerbangkan kapalterbang-kapalterbang itu akan menjadi anggota-anggota yang pertama sekali dalam Tentera Udara Diraja Malaysia mencapai pengalaman penerbangan yang laju dan, kemahiran khas yang didapati oleh mereka dalam peranan baru itu akan membantu dengan pesatnya pasukan-pasukan Tentera Darat.

Tidak syak lagi, bahawa peluang-peluang keemasan untuk meningkat ada dalam Tentera Udara Diraja Malaysia bagi pemuda-pemuda yang ada kebolehan yang sesuai. Semenjak tertubuhnya pasukan Tentera Udara dalam tahun 1958, ianya telah mengalami pembesaran yang pesat dalam kecekapan dan kebolehan.

Tamatnya konfrontasi tidaklah bermakna kita boleh berhentikan pembesaran ini, kerana Angkatan Tentera hendaklah cukup kuat untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Sesungguhnya, kehendak utama adalah untuk Angkatan Tentera kita mengambil alih kedudukan Tentera-Tentera Komanwel di Sabah dan Sarawak. Pengunduran tentera dan kapalterbang-kapalterbang Komanwel akan dilakukan berperingkat-peringkat tetapi, namun demikian, pengunduran akan diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat dan tugas yang berat akan jatuh kepada askar-askar udara dan askar-askar kita sendiri. Oleh keadaan yang demikian, maka Tentera Udara Diraja Malaysia mestilah terus diperbesarkan dengan agak segera untuk menemui tanggungjawab.

Kepada kamu yang telah tamat di dalam latihan sekolah ini, saya berseru supaya berkhidmat dengan tekun dan jujur serta tunjukkan taat setia dengan tidak berbelah terhadap ibu pertiwi.